

Kempen Simpan & Menang

- Terma dan Syarat

Kempen Simpan & Menang (“Kempen”) dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Syarikat 196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411) (dikenali secara kolektif sebagai “Maybank”). (**“Maybank”**). Kempen ini adalah tertakluk pada Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 1.0) dengan ini bersetuju dengan nyata untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Kempen ini adalah bersama dengan rakan penyertaan, Lembaga Tabung Haji (No. Syarikat ACT 5351995) (kemudian dari ini disebut sebagai **“Tabung Haji”**).

1.1 Kelayakan

- a. Kempen ini terbuka kepada semua individu yang mempunyai akaun berdaftar Maybank2u (M2U) aktif yang dikenal pasti oleh nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara yang melaksanakan transaksi layak (seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2.0 (**“Transaksi Layak”**)).
- b. Kempen ini boleh diakses melalui laman web Maybank2u dan aplikasi Maybank2u (**“Platform Layak”**).
- c. Semua pelanggan individu yang telah berjaya melaksanakan Transaksi Layak melalui Platform Layak akan kemudian dari ini disebut sebagai **“Pelanggan Layak”**. Pelanggan Layak akan layak menyertai Kempen ini secara automatik.
- d. Kempen ini terbuka kepada individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan dokumen pengenalan yang sah. Bagi individu yang berumur kurang daripada lapan belas (18) tahun (**“Orang Belum Dewasa”**), mereka mesti memperoleh persetujuan ibu bapa dan/atau penjaga sah mereka untuk menyertai Kempen ini. Penggunaan aplikasi MAE dan akaun MAE merupakan perakuan kepada Maybank bahawa Orang Belum Dewasa itu telah memperoleh persetujuan terdahulu ibu bapa dan/atau penjaga sah beliau. Terma dan Syarat ini akan terpakai untuk ibu bapa dan/atau penjaga sah beliau sebagai penggantian pemakaian Terma dan Syarat ini untuk Orang Belum Dewasa itu.
- e. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan yang telah mengaitkan akaun Tabung Haji mereka dengan Maybank2u, mendaftar untuk Haji dan melaburkan

nilai minimum sebanyak RM3,000 (semasa Tempoh Kempen seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 2.0(a)).

2.1 Mekanisme & Tempoh Kempen

- a. Kempen ini akan bermula pada 10 April 2023, pada pukul 00:00:00 pagi dan tamat pada 10 September 2023, pada pukul 11:59:59 malam (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) (“Tempoh Kempen”).
- b. Pelanggan Layak dikehendaki supaya berjaya melaksanakan Transaksi Layak melalui laman web Maybank2u atau aplikasi MAE:
 - i. mendaftar untuk Haji melalui Maybank2u, DAN
 - ii. melabur/menjalankan transaksi ke/daripada Tabung Haji mereka melalui akaun Maybank2u atau akaun aplikasi MAE mereka yang telah dikaitkan dengan akaun Tabung Haji mereka (terpakai daripada akaun Maybank, iaitu, akaun Semasa, Simpanan dan e-dompot MAE, DAN
 - iii. menyimpan amaun terkumpul pelaburan baharu dalam akaun Tabung Haji sebanyak RM3,000 atau lebih sepanjang Tempoh Kempen. Apa-apa pelaburan sedia ada sebelum Tempoh Kempen tidak akan dikira.

Transaksi (b) i, ii, iii dan iv) di atas merupakan Transaksi Layak untuk Kempen ini.

- c. Pemenang akan dipilih berdasarkan program alat kerawakan (*randomizer*) dan Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun yang telah digunakan oleh Pelanggan Layak untuk melaksanakan Transaksi Layak.
- d. Pemenang akan dipilih dan diumumkan dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas tamatnya Tempoh Kempen pada 10 September 2023 mengikut Fasal 2 (a).
- e. Maybank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kehilangan data dan/atau hadiah sepanjang Tempoh Kempen. Pelanggan Layak dibenarkan untuk terus menyertai Kempen dengan butiran log masuk Maybank2u yang sama. Semua Hadiah kemenangan daripada penyertaan dalam Kempen hanya akan dikaitkan dengan butiran log masuk Maybank2u yang sama. Sebarang penyertaan terdahulu sebelum Tempoh Kempen yang telah dilucutkan hak penerimaannya, dan semua data Kempen lain yang disimpan dan/atau diperoleh terdahulu tidak boleh didapatkan balik atau digunakan.
- f. Maybank mempunyai hak untuk menggantikan mana-mana dan semua Hadiah yang disenaraikan dalam Fasal 3.0 dengan sebarang item lain yang mempunyai nilai pasaran yang serupa mengikut budi bicara munasabahnyanya dengan notis dua

puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemenang. Sekiranya Pemenang gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, Maybank mempunyai hak untuk melucutkan hak penerimaan Hadiah.

3.1 Hadiah & Penunai

a. Kategori Hadiah:

Kategori Hadiah	Unit	Jumlah Nilai Hadiah
Hadiah Utama: Pakej Umrah (bernilai RM9,000/setiap satu)	4	RM36,000
Hadiah Sagu Hati: Pakej perjalanan (bernilai	6	RM3,000
Hadiah Wang Tunai: RM100	20	RM2,000

b. Penyertaan Layak:

Syarat	Bilangan Penyertaan
Mendaftar untuk Haji melalui Maybank2u	1x penyertaan
Melabur/Menjalankan transaksi ke/daripada Tabung Haji mereka melalui akaun Maybank2u atau aplikasi MAE mereka yang telah dikaitkan dengan akaun Tabung Haji	3x penyertaan bagi setiap transaksi
Menyimpan amaun terkumpul pelaburan baharu dalam akaun Tabung Haji sebanyak RM3,000 atau lebih sepanjang Tempoh Kempen. Apa-apa pelaburan sedia ada sebelum Tempoh Kempen tidak akan dikira.	1x penyertaan untuk baki harian purata yang melebihi RM3,000

- i. Pelanggan Layak perlu memenuhi minimum enam (6) penyertaan agar layak memenangi Hadiah
 - ii. Semakin tinggi kekerapan pelaburan/transaksi yang anda lakukan, maka semakin tinggi peluang untuk menang
- c. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada pelanggan lain yang juga melaksanakan Transaksi Layak.
 - d. Hadiah adalah terhad kepada **satu (1)** Hadiah bagi setiap Pelanggan Layak sepanjang Tempoh Kempen, tanpa menghiraukan berapa banyak kali Pelanggan Layak melaksanakan Transaksi Layak.
 - e. Pelanggan Layak akan mempunyai pilihan untuk mengubah tarikh pakej Umrah,

tetapi terhad kepada nilai sebanyak RM 9,000 setiap satu untuk 1 orang.

- f. Pelanggan Layak juga akan mempunyai pilihan untuk memilih destinasi percutian/perjalanan yang tidak lebih daripada RM500.00 setiap satu untuk 1 orang.
- g. Pakej Umrah dan juga pakej perjalanan adalah tertakluk pada ketersediaan pakej daripada pembekal yang dilantik. Sekiranya pembekal tidak dapat memberikan tarikh perjalanan yang diminta disebabkan alasan yang termasuk (tetapi tidak terhad kepada) ketersediaan tempat duduk, Maybank mempunyai hak mengikut budi bicara mutlak untuk menggantikan tarikh itu dengan tempoh perjalanan yang lain.
- h. Baucar perjalanan perlu ditebus dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh baucar atau sijil perjalanan yang dikeluarkan oleh pembekal.
- i. Baucar perjalanan sama sekali tidak boleh dipindah milik atau ditukarkan dengan wang tunai atau kredit atau barang bukan dalam bentuk wang, sama ada sebahagiannya atau sepenuhnya.
- j. Pelanggan Layak hanya dibenarkan menebus sekali sahaja semasa Tempoh Kempen.
- k. Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak berhubung dengan Kempen dan/atau untuk menuntut ganjaran, yang hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada kos bagi pengangkutan, bayaran pos/kurier, kos peribadi dan/atau kos lain, merupakan tanggungjawab Pelanggan Layak sepenuhnya.
- l. Hadiah TIDAK TERMASUK yang berikut dan senarai tersebut tidak lengkap:
 - i. Permohonan untuk visa/waran dan fi yang terpakai (jika ada);
 - ii. Pengangkutan ke dan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA);
 - iii. Insurans perjalanan;
 - iv. Pengangkutan berjadual tidak terprogram, hidangan makanan, acara, aktiviti dan perkhidmatan;
 - v. Kos sampingan hotel (cth. telefon, bar mini, perkhidmatan bilik dll.);
 - vi. Perkhidmatan penterjemahan di tapak; dan
 - vii. Apa-apa cukai yang terpakai.
- m. Pakej Umrah/Perjalanan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit atau

barang bukan dalam bentuk wang, sebahagiannya atau sepenuhnya.

- n. Pelanggan Layak tidak dibenarkan memindah milik atau menjual hak beliau untuk menerima Hadiah kepada mana-mana orang lain.

4.1 Pemilihan Pemenang

- a. Pelanggan Layak akan disenarai pendek secara dalaman melalui cabutan “Pemilihan Rawak” yang dijana komputer yang menggunakan nombor rawak pada senarai penyertaan yang layak.
- b. Pelanggan Layak yang disenarai pendek akan dihubungi oleh wakil Maybank pada nombor telefon bimbit yang didaftarkan dan/atau direkodkan dalam sistem Maybank pada bila-bila masa semasa waktu pejabat untuk menjawab satu (1) soalan.
- c. Pelanggan Layak yang disenarai pendek akan disifatkan sebagai Pemenang jika beliau dapat menjawab soalan itu dengan betul (“Pemenang”).
- d. Jika Pelanggan Layak yang disenarai pendek tidak dapat menjawab soalan itu dengan betul, Pelanggan Layak yang seterusnya dalam urutan akan disenarai pendek dan dihubungi untuk menjawab soalan.
- e. Sekiranya Pelanggan Layak yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan pada hari yang sama atas apa jua alasan sekalipun dan/atau Pelanggan Layak yang disenarai pendek ingin menarik diri daripada Kempen apabila dihubungi oleh wakil Maybank, beliau akan dihilangkan kelayakan daripada Kempen ini.

5.1 Penunaian Hadiah

- a. Bagi Hadiah Wang Tunai, Maybank akan mengkreditkan Hadiah ke dalam akaun Maybank Pemenang selepas Kempen telah tamat.
- b. Pemenang akan diberitahu sama ada secara bertulis atau melalui telefon atau apa-apa kaedah komunikasi lain yang disifatkan sebagai sesuai oleh Maybank, dan pengumuman Pemenang akan dibuat pada laman web Maybank pada pautan www.maybank.com.my (“Laman Web Maybank”) dalam tempoh enam belas (16) minggu selepas tamatnya Tempoh Kempen.
- c. Pengumuman Pemenang (cth. Nama dan Nombor Pengenal/Pasport yang terselindung) juga akan dibuat pada Laman Web Maybank dan/atau platform media sosial Maybank enam belas (16) minggu selepas tamatnya Tempoh Kempen atau lebih awal.

- d. Jika terdapat sebarang pertikaian atau Hadiah yang tidak diterima, Pemenang adalah dikehendaki supaya menghubungi Khidmat Pelanggan (*Customer Care*) Kumpulan Maybank pada talian 1300 88 6688 selewat-lewatnya pada 31 Dis 2023. Tiada aduan, surat-menyurat dan/atau pertanyaan akan dilayani selepas 31 Dis 2023.
- e. Maybank mempunyai hak untuk meminta dokumentasi atau bukti pengenalan, umur dan tempat kediaman mana-mana Pemenang, dan Maybank mempunyai hak untuk menghubungi Pemenang berkenaan dengan sebarang kempen berkaitan yang mungkin berlangsung pada masa akan datang.
- f. Maybank tidak akan meminta sebarang butiran perbankan seperti nombor kad kredit/kad debit dan Kod Sah Kuasa Transaksi (*Transaction Authorization Code* atau TAC) bank, kata laluan akaun, PIN atau kata laluan sekali (*one-time password* atau OTP) untuk Pemenang menuntut Hadiah atau atas sebarang alasan. Pemenang mengakui dan bersetuju bahawa Maybank mempunyai hak untuk menghilangkan kelayakan penyertaan dalam Kempen ini atau menarik balik sebarang Hadiah daripada Pemenang jika:
 - i. Pemenang didapati atau disyaki mengganggu Mekanisme Kempen atau pengendalian Kempen;
 - ii. Pemenang didapati atau disyaki menjalankan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang mendatangkan keburukan kepada Kempen; atau
 - iii. Pemenang memungkirinya atau mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini. Walau apa pun di atas, Maybank mempunyai hak untuk menolak mana-mana penyertaan atau Pemenang mengikut budi bicara munasabah tanpa memberikan sebarang alasan.

6.1 Terma dan Syarat Am

- a. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan berkenaan dengan apa-apa jenis kegagalan teknikal sekalipun, apa-apa jua intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilaksanakan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u or Maybank2e, dengan syarat bahawa perkara tersebut tidak disebabkan oleh Maybank.
- b. Maybank mempunyai hak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal sepenuhnya atau sebahagiannya, dan mempunyai hak untuk mengubah suai mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis

sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai erti yang sama seperti hari kalendar) terlebih dahulu mengenainya, dan notis itu akan dipaparkan melalui laman web Maybank2u pada pautan www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang ditentukan oleh Maybank. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk mendapat tahu tentang, atau selainnya mencari, apa-apa notis sedemikian yang dipaparkan dengan sah.

- c. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u pada pautan www.maybank2u.com.my dengan tetap untuk melihat terma dan syarat yang terkandung di sini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya mana-mana Terma & Syarat tidak difahami sepenuhnya.
- d. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan memberikan persetujuan dan keizinan untuk membenarkan data peribadi beliau dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Maybank mengikut Pernyataan Privasi Maybank, yang boleh dilihat pada pautan www.maybank2u.com.my (“Pernyataan Privasi Maybank”) dan Borang Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) untuk Pelanggan Individu.

Tambahan lagi, dan tanpa menjejaskan terma-terma dalam Pernyataan Privasi Maybank dan Borang Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) untuk Pelanggan Individu, Pelanggan Layak bersetuju dan mengizinkan data peribadi dan maklumat beliau dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Maybank bagi:

- i. maksud Kempen; dan
 - ii. aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk media dan bahan pengiklanan atau publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital serta pada Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi merangkumi, tanpa batasan, penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang diberikan dalam dan/atau berhubung dengan penyertaan, bahan wawancara serta respons dan gambar foto yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank berhubung dengan Kempen.
- a. Maybank dan pegawai, pekhidmat, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk, tanpa batasan, mana-mana pemberi perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak dalam Kempen ini terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi langsung, tidak

langsung, khas atau turutan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini, melainkan jika disebabkan oleh kecuaiian melampau atau peninggalan oleh Maybank.

- b. Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa keingkaran obligasinya di bawah Kempen ini disebabkan oleh mana-mana kejadian force majeure, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perusahaan, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa kejadian di luar kawalan munasabah Maybank.
 - i. Maybank boleh menghilangkan kelayakan/menolak mana-mana Pelanggan Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini dan/atau yang didapati atau disyaki mengganggu Kempen dan/atau prosesnya atau pengendalian Kempen ini yang termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan tipu helah dan/atau perdayaan berhubung dengan Kempen.
 - ii. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan adalah tertakluk pada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
 - iii. Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan, sila hubungi talian penting Khidmat Pelanggan (*Customer Care*) Kumpulan Maybank pada 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas pada laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.